

22 JULAI 2007

Swasta boleh tubuh universiti pertanian

Kementerian beri sokongan, bantu dari segi struktur

Oleh Azmi Md Deros

KUBANG PASU: Kerajaan menggalakkan sektor swasta menubuhkan universiti pertanian bagi membantu proses perkembangan industri pertanian negara, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, pada masa sama kerajaan turut menggalakkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menubuhkan fakulti khusus dalam bidang pertanian.

"Langkah itu wajar kerana kita perlu melahirkan ramai graduan dalam sektor pertanian, lebih-lebih lagi ketika kerajaan mahu menjadikan bidang pertanian sebagai enjin ekonomi ketiga terpenting di negara ini."

"Jika ada swasta yang berminat menubuhkan universiti yang mengkhusus dalam bidang pertanian, kementerian akan memberikan sokongan dan kita boleh membantu dari segi strukturnya."

"Buat masa ini kementerian tidak mempunyai cadangan untuk menukuhkan universiti seumpama itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas sama ada kementerian itu bercadang menaik taraf Kolej Pertanian di Bukit Tangga, dekat sini menjadi universiti bagi melahirkan lebih ramai graduan peringkat diploma dan ijazah dalam pelbagai sektor pertanian.

Ia berikutan siswazah berkelulusan pertanian yang dikeluarkan Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak mencukupi apabila universiti itu mula menumpukan kepada pelbagai disiplin ilmu.

Muhyiddin berkata, tumpuan kementerian itu sekarang ialah mempercepatkan usaha menyiapkan dua lagi fasa di Kolej Pertanian itu yang

FAKTA NOMBOR

Kolej kendalian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

40

Kolej

6,000

Tenaga kerja

tertangguh, berikutan masih ada baki daripada peruntukan keseluruhan RM450 juta yang belum diterima. Kolej itu dijangka dapat menampung lebih 1,000 pelajar.

Katanya, ketika ini kementerian mengendalikan lebih 40 kolej pertanian, perikanan dan penternakan yang melahirkan 6,000 tenaga kerja peringkat sijil setiap tahun dan ia tidak mencukupi.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhyiddin yang juga Naib Presiden Umno berkata, bangsa Melayu perlu lebih bersemangat untuk menghadapi persaingan yang semakin sengit pada pelbagai peringkat.

"Jika kita tidak bersemangat, walaupun dengan pelbagai bantuan yang diberikan kerajaan, orang Melayu akan terus ketinggalan."

"Biar pun pelbagai bantuan diberikan, orang Melayu mesti berusaha," katanya.

Beliau juga mengingatkan ahli Umno supaya jangan memandang mudah pilihan raya umum yang akan diadakan tidak lama lagi, walaupun pembangkang terutama Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dilihat semakin lemah.

"Kita perlu terus berusaha keras kerana mahu Barisan Nasional (BN) menang besar dan terus mendirikan kerajaan," katanya.